

BAB IV**4.0 INTERPRETASI DAN PERBINCANGAN
HASIL KAJIAN****4.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan hasil kajian yang telah diperolehi. Penghuraian hasil kajian ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian

- 1 Analisis kesilapan ayat secara keseluruhan
- 11 Analisis soal selidik
- 111 Contoh-contoh kesilapan ayat yang ketara

Dalam bahagian pertama iaitu analisis kesilapan ayat secara keseluruhan pengkaji akan menghuraikan analisis data daripada dua buah ujian karangan yang ditulis oleh pelajar. Hasil kajian dibentang menurut

- i Analisis jenis-jenis kesilapan ayat.
- ii Analisis kesilapan ayat berdasarkan ujian karangan 1 dan ujian karangan 2.
- iii Perbandingan kesilapan ujian karangan 1 (sebelum belajar morfologi dan sintaksis) dengan ujian karangan 2 selepas belajar morfologi dan sintaksis.
- iv Perbandingan kesilapan ayat yang dilakukan oleh sampel berdasarkan pembolehubah klasifikal jantina dan PBM SPM.

Bahagian kedua pula, iaitu analisis soal selidik, pengkaji akan menghuraikan dapatan daripada soal selidik untuk pelajar dengan mengfokuskan

- i Latar belakang pembelajaran bahasa pelajar yang dikaji.
- ii Pembelajaran BM dan hubungannya dengan aspek-aspek kesilapan ayat yang dikaji.

Selanjutnya, dalam bahagian ketiga, iaitu contoh-contoh kesilapan ayat yang ketara, pengkaji akan menghuraikan kesilapan ayat yang terdapat dalam karangan pelajar. Contoh-contoh kesilapan ayat ini dikemukakan dalam perbincangan tentang analisis kesilapan karangan.

4.2 Analisis Kesilapan Ayat Secara Keseluruhan

Dalam bahagian ini hasil kajian dibentangkan menurut turutan berikut

- i Analisis jenis-jenis kesilapan ayat.
- ii Analisis kesilapan ayat berdasarkan ujian karangan 1 dan ujian karangan 2.
- iii Perbandingan kesilapan ayat sebelum belajar morfologi dan sintaksis dan selepas belajar berdasarkan ujian karangan 1 dan ujian karangan 2.
- iv Perbandingan kesilapan ayat berdasarkan kumpulan pelajar.

4.2.1 Analisis Jenis –jenis Kesilapan Ayat

Hasil pemeriksaan ujian karangan 1 dan ujian karangan 2 oleh kedua-kedua pemeriksa (penyelidik sebagai pemeriksa pertama dan seorang lagi sebagai pemeriksa kedua) jumlah kesilapan seperti dalam Jadual 1.

Karangan pelajar sebanyak 80 buah jumlah keseluruhan karangan 1 dan karangan 2.

Jadual 1

Kekerapan Kesilapan Ayat Secara Keseluruhan Menurut Jenisnya

Jenis Kesilapan	Lelaki (n=20)		Perempuan (n=20)		Jumlah (n=40)	Purata
	K	%	K	%	K	
	412	48.2	440	51.6	852	426

Jumlah kesilapan ayat sebanyak 852 kekerapan daripada kedua-dua buah ujian karangan. Dapatan daripada kajian ini, kumpulan pelajar perempuan melakukan kesilapan yang lebih tinggi iaitu 440 (51.65). Kumpulan pelajar lelaki melakukan kesilapan 412 (48.2%). Purata kesilapan sebanyak 426 kekerapan kesilapan ayat mengikut kumpulan pelajar lelaki dan perempuan. Pegesanan jumlah kesilapan yang dilakukan oleh 20 pelajar lelaki dan 20 pelajar perempuan dalam ujian karangan 1 dan ujian karangan 2 dapat dilihat dalam Jadual 2;

Jadual 2
Kekerapan Kesilapan Ayat Dalam
Karangan 1 dan Karangan 2

Subjek Karangan	Lelaki (n=20)		Perempuan (n=20)		Jumlah (n=40)		Purata
	K	%	K	%	K	%	
Karangan 1	281	50.9	270	49.1	551	64.7	276
Karangan 2	131	43.7	170	56.3	301	35.3	151
Jumlah	412	48.2	440	51.6	852	100	426

Berpandukan Jadual 2 jumlah kesilapan ayat yang dikesan dilakukan oleh 20 pelajar lelaki dan 20 pelajar perempuan sebanyak 852 kekerapan kesilapan.

Dalam ujian karangan 1 pelajar lelaki melakukan kesilapan berjumlah 281 (50.9%). Kumpulan pelajar perempuan melakukan kekerapan kesilapan ayat berjumlah 271 (49.1%). Jumlah kesilapan ayat dalam karangan 1 sebanyak 551(64.7%). Purata kekerapan kesilapan berdasarkan kumpulan pelajar lelaki dan perempuan sebanyak 276.

Dalam ujian karangan 2 pula, jumlah kesilapan keseluruhan dilakukan oleh pelajar sebanyak 301 (35.3%). Purata kesilapan ayat sebanyak 151. Pembahagian berdasarkan jantina dalam ujian karangan 2, kumpulan pelajar lelaki melakukan 131 (43.7%) kesilapan. Sementara kumpulan pelajar perempuan pula melakukan 170 (56.3%) kesilapan.

Secara terperinci kekerapan kesilapan ayat kumpulan pelajar lelaki dan perempuan diperjelas melalui Jadual 3;

Jadual 3
Kekerapan Kesilapan Ayat Secara Keseluruhan Mengikut Jenis Kesilapan

Jumlah Kesilapan dan Peratusnya														
Jenis Kesilapan			Lelaki				Perempuan							
	K1	%	K2	%	J	%	K1	%	K2	%	J	%	JB	%
A1	25	2.93	5	0.6	30	3.5	26	3.05	12	1.4	38	4.5	68	8.0
A2	25	2.93	13	1.53	38	4.5	24	2.85	15	1.8	39	4.6	77	9.04
A3	48	5.63	22	2.6	70	8.21	45	5.3	31	3.6	76	8.9	146	17.1
A4	7	0.82	5	0.6	12	1.4	9	1.05	3	0.4	12	1.4	24	2.8
A5	19	2.23	7	0.82	26	3.0	9	1.05	8	0.94	17	2.0	43	5.05
A6	40	4.7	33	3.9	73	8.6	64	7.5	40	4.7	104	12.2	177	20.8
A7	3	0.4	9	1.1	12	1.4	11	1.29	9	1.1	20	2.34	32	3.76
A8	11	1.29	7	0.82	18	2.1	8	0.93	5	0.6	13	1.52	31	3.63
A9	103	12.1	30	3.52	133	15.6	74	8.7	47	5.5	121	14.2	254	29.8
Jumlah	281	33.0	131	15.4	412	48.4	270	31.69	170	20.0	440	51.69	852	100

Hasil daripada pemeriksaan 80 buah karangan yang ditulis oleh 40 orang pelajar yang dikaji terdapat sebanyak 852 kekerapan kesilapan ayat (Jadual 3).

Kesilapan ayat itu adalah kesilapan struktur;

1. Ayat Tunggal
2. Ayat Majmuk Gabungan
3. Ayat Majmuk Relatif
4. Ayat Majmuk Komplemen
5. Ayat Majmuk Keterangan
6. Ayat Majmuk Campuran
7. Ayat Aktif
8. Ayat Pasif
9. Ayat Saduran daripada ayat asing, seperti ayat bahasa Inggeris

Kekerapan kesilapan jenis-jenis ayat tersebut akan dibincangkan dengan mendahulukan jenis kesilapan ayat yang mencatatkan kesilapan yang tinggi.

4.2.1.1 Ayat Saduran (A9)

Dalam jenis kesilapan struktur ayat saduran (A9) didapati jumlah kekerapan kesilapan sebanyak 254 (29.8%). Daripada jumlah 254 kesilapan itu, kumpulan pelajar lelaki telah melakukan kesilapan sebanyak 133 (15.6%). Kekerapan kesilapan pelajar lelaki ini mengatasi kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan pelajar perempuan. Kumpulan pelajar perempuan pula melakukan kesilapan sebanyak 121 (14.2%) berbanding dengan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar lelaki.

4.2.1.2 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Campuran (A6)

Berpandukan kajian yang dibuat, didapati kesilapan struktur Ayat Majmuk Campuran (A6) keseluruhannya sebanyak 177 (20.8%). Pelajar perempuan mencatat kekerapan kesilapan lebih tinggi daripada pelajar lelaki iaitu sebanyak 104 (12.2%) pelajar lelaki hanya melakukan kesilapan sebanyak 73 (8.6%) sahaja.

4.2.1.3 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Relatif (A3)

Kekerapan kesilapan ayat majmuk relatif kekerapan sebanyak 146 (17.14%) secara keseluruhan lelaki dan perempuan. Secara perbandingan kumpulan pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki. Kumpulan pelajar lelaki melakukan kesilapan sebanyak 70 (8.21%). Kumpulan pelajar perempuan 76 (8.9%) kekerapan.

4.2.1.4 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Gabungan (A2)

Kekerapan kesilapan struktur Ayat Majmuk Gabungan adalah sebanyak 77 (9.04%). Kumpulan pelajar lelaki mencatat 38 (4.5%). Kesilapan ayat kumpulan pelajar perempuan lebih tinggi iaitu 39 (4.6%) kekerapan.

4.2.1.5 Kesilapan Struktur Ayat Tunggal (A1)

Keseluruhan kesilapan daripada A1 hingga A9 berjumlah 852. Jumlah kekerapan kesilapan Ayat Tunggal sebanyak 68 (8.0%). Daripada jumlah 68 kekerapan itu kumpulan pelajar lelaki membuat sebanyak 30 (3.5%) kesilapan. Kumpulan pelajar perempuan kekerapannya lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki iaitu sebanyak 38 (4.5%).

4.2.1.6 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Keterangan (A5)

Kesilapan struktur Ayat Majmuk Keterangan (A5) kekerapan kesilapan adalah sebanyak 43 (5.0%) . Kumpulan pelajar lelaki melakukan kesilapan sebanyak 26 (3.0%). Kumpulan pelajar perempuan pula melakukan sebanyak 17 (2.0%) kekerapan kesilapan. Dalam struktur ayat A5 kumpulan pelajar lelaki mengatasi kekerapan kesilapan pelajar perempuan.

4.2.1.7 Kesilapan Struktur Ayat Aktif (A7)

Terdapat kesilapan struktur ayat aktif (A7) sebanyak 32 (3.76%) kekerapan. Kumpulan pelajar lelaki mencatatkan kekerapan sebanyak 12 (1.4%). Kumpulan pelajar perempuan mencatatkan kekerapan lebih tinggi iaitu 20 (2.34%) kesilapan.

4.2.1.8 Kesilapan Struktur Ayat Pasif (A8)

Jumlah kekerapan kesilapan jenis A8 atau struktur ayat pasif adalah sebanyak 31 (3.6%) kekerapan.. Jumlah kesilapan A8 hampir menyamai A7. Kedua-dua kumpulan pelajar yang menjadi sampel mencatatkan jumlah kekerapan yang berbeza. Dalam ayat ini, kumpulan pelajar lelaki mencatatkan kesilapan struktur ayat lebih tinggi iaitu sebanyak 18 (2.1%) kekerapan. Manakala kumpulan pelajar perempuan sebanyak 13 (1.52%) kekerapan kesilapan sahaja.

4.2.1.9 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Komplemen (A4)

Kumpulan kesilapan A4 mencatatkan jumlah kekerapan yang paling kecil. Keseluruhannya hanya mencatatkan 24 (2.8%). Kumpulan pelajar lelaki dan perempuan mencatatkan jumlah kekerapan yang sama iaitu 12 (1.4%) kekerapan bagi setiap kumpulan.

Berdasarkan analisis, kekerapan kesilapan ayat yang dilakukan oleh pelajar meliputi semua jenis ayat. Keseluruhan kesilapan struktur ayat mencatatkan jumlah 852 kekerapan. Jumlah kekerapan yang paling tinggi A9 iaitu sebanyak 254 (29.8%). Kekerapan paling rendah A4 iaitu 24 (2.8%) kesilapan. Purata kesilapan yang dilakukan oleh setiap pelajar sebanyak 10.7 kekerapan.

Jadual 2 menunjukkan kekerapan kesilapan ayat dalam karangan 1 dan 2 yang agak seimbang iaitu tidak menunjukkan peratus perbezaan yang besar.

Perbandingan jantina, kumpulan pelajar perempuan melakukan lebih banyak kesilapan iaitu 440 (51.6%) kekerapan. Pelajar lelaki pula melakukan kesilapan sebanyak 412 (48.4%) kekerapan.

Dalam jenis ayat A1, A2, A3, A6, dan A7 pelajar perempuan melakukan lebih tinggi kekerapan kesilapan daripada pelajar lelaki. Sementara dalam struktur ayat A5, A8 dan A9 pelajar lelaki mengatasi kekerapan pelajar perempuan. Dalam struktur ayat A4 kedua-dua kumpulan pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan persamaan kekerapan kesilapan iaitu 12 (1.4%).

4.2.2 Analisis Kekerapan Kesilapan Ayat Bagi

Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2

Dalam kajian ini mendapati bahawa kekerapan kesilapan ayat sebanyak 852 diperolehi daripada pemeriksaan ke atas dua buah ujian karangan, iaitu ujian karangan 1 dan ujian karangan 2 oleh setiap pelajar ($n=40$) yang dikaji.

Kesilapan jenis ayat iaitu, kesilapan struktur Ayat Tunggal (A1), struktur ayat majmuk gabungan (A2), struktur ayat majmuk relatif (A3), struktur ayat majmuk komplemen (A4), struktur ayat majmuk keterangan (A5), struktur ayat majmuk campuran (A6), struktur ayat aktif (A7), struktur ayat pasif (A8), dan struktur ayat saduran daripada ayat bahasa Inggeris (A9).

Kekerapan kesilapan dalam ujian karangan 1 dan ujian karangan 2 dipuratakan dan ditunjukkan dalam Jadual 4 dan Jadual 5

Jadual 4**Kedudukan Kesilapan Ayat Yang Dipuratakan
Daripada Ujian Karangan 1 dan Karangan 2**

Kesilapan Ayat		Lelaki		Perempuan		Jumlah	
		K	%	K	%	K	%
	A1	30	3.5	38	4.5	68	8.0
	A2	38	4.5	39	4.6	77	9.04
	A3	70	8.21	76	8.9	146	17.14
	A4	12	1.4	12	1.4	24	2.8
	A5	26	3.0	17	2.0	43	5.05
	A6	73	8.6	104	12.2	177	20.8
	A7	12	1.4	20	2.34	32	3.76
	A8	18	2.1	13	1.52	31	3.63
	A9	133	15.6	121	14.2	254	29.8
Jumlah		412	48.4	440	51.69	852	100

Dalam jadual ini menunjukkan kesilapan ayat A1 hingga A9. Kajian ini mendapati sebanyak 852 kekerapan kesilapan ayat yang dilakukan oleh kedua-dua kumpulan pelajar yang dikaji.

Kesilapan struktur ayat saduran A9 mencatatkan kekerapan tertinggi. Sebanyak 254 (29.8%) kesilapan telah dilakukan oleh kedua-dua kumpulan pelajar yang dikaji dalam dua ujian karangan. Kemudian diikuti pula oleh struktur ayat majmuk gabungan (A6) sebanyak 177 (20.8%) kekerapan. Ayat majmuk relatif (A4) dengan 146 (17.14%) kekerapan. Ayat majmuk gabungan (A2) dengan 77 (9.04%) kesilapan. Seterusnya kesilapan struktur ayat tunggal (A1) menduduki tempat ke-5 dengan jumlah kesilapan sebanyak 68 kekerapan, diikuti selepas itu kesilapan struktur ayat majmuk keterangan (A5) dengan 43 (5.05%) kekerapan. Ayat aktif (A7)

mencatatkan kesilapan sebanyak 32 (3.76%) kekerapan. Kemudian diikuti pula oleh struktur ayat pasif 31 (3.63%) kekerapan iaitu hampir menyamai dengan kekerapan kesilapan ayat aktif. Pelajar dari kedua-dua kumpulan melakukan kesilapan paling sedikit dalam ayat majmuk komplemen (A4) iaitu dengan kekerapan sebanyak 24 (2.8%) sahaja.

Dalam kajian ini, kumpulan pelajar perempuan melakukan lebih banyak kesilapan. Keseluruhannya kesilapan ayat sebanyak 852. Kumpulan pelajar perempuan melakukan 440 (51.69%) kesilapan berbanding pelajar lelaki sebanyak 412 (48.4%). Kedua-dua kumpulan ini menunjukkan perbezaan yang sedikit iaitu sebanyak 28 (3.29%) kekerapan kesilapan sahaja.

Dalam Jadual 4, dalam beberapa jenis ayat tertentu pelajar perempuan melakukan kesilapan ayat mengatasi kumpulan pelajar lelaki iaitu dalam ayat A1 (38) (4.5%), A2 (39) (4.6%), A3 (76) (8.9%), dan A6 (104) (12.2%).

Sementara itu, pelajar lelaki lebih cenderung melakukan kesilapan dalam jenis A5 (26) (3.0%), A8 (18) (2.1%), dan A9 133 (15.6%) Dalam struktur ayat A4 pelajar lelaki dan perempuan mencatatkan jumlah kekerapan yang sama banyak iaitu 12 (1.4%). Huraian tentang kesilapan ayat berdasarkan ujian karangan 1 diperjelas dalam Jadual 5;

Jadual 5

Kekerapan Kesilapan Ayat dan Jenis
Bagi Ujian Karangan 1

Kesilapan Ayat	Lelaki	%	Perempuan	%	Jumlah	%
A1	25	2.93	26	3.05	51	6.0
A2	25	2.93	24	2.85	49	5.8
A3	48	5.63	45	5.3	93	10.9
A4	7	0.82	9	1.05	16	1.9
A5	19	2.23	9	1.05	28	3.3
A6	40	4.7	64	7.5	104	12.2
A7	3	0.4	11	1.29	14	1.6
A8	11	1.29	8	0.93	19	1.2
A9	103	12.1	74	8.7	177	20.7
Jumlah	281	33.0	270	36.69	551	64.6

Dalam Jadual 5, kumpulan pelajar lelaki melakukan kesilapan lebih tinggi berbanding pelajar perempuan iaitu sebanyak 281 (33.0%) kekerapan. Keseluruhan kesilapan dilakukan dalam Jadual 5 iaitu 551 (64.6%) kekerapan pelajar perempuan melakukan 270 (36.69%) kekerapan. Catatan perbezaan antara kedua-dua kumpulan pelajar sebanyak 11 kekerapan kesilapan. Kumpulan pelajar lelaki melakukan kesilapan mengatasi kumpulan pelajar perempuan daripada jenis struktur ayat A2 (25), A3 (48), A5 (19), A8 (11), dan A9 (103).

Sementara kumpulan pelajar perempuan melakukan kesilapan mengatasi kumpulan pelajar lelaki daripada jenis struktur ayat A1 (26), A4 (9), A6 (64), dan A7 (11). Dalam Jadual 5 ini, kedua-dua kumpulan pelajar ini melakukan kesilapan dengan jumlah yang berbeza daripada jenis struktur ayat yang berbeza.

Jadual 6 memaparkan kekerapan kesilapan ayat dalam ujian karangan 2.

Jadual 6
Kekerapan Kesilapan Ayat dan Jenisnya
Bagi Ujian Karangan 2

Kesilapan Ayat	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
A1	5	1.7	12	3.9	17	5.6
A2	13	4.3	15	5.0	28	9.3
A3	22	7.3	31	10.3	53	17.54
A4	5	1.7	3	1.0	8	2.65
A5	7	2.32	8	2.65	15	4.66
A6	33	10.92	40	13.2	73	24.2
A7	9	3.0	9	3.0	18	6.0
A8	7	2.32	5	1.7	12	4.0
A9	30	9.93	47	16.0	77	25.5
Jumlah	131	43.7	170	56.3	301	100

Jadual 6 menunjukkan kekerapan kesilapan struktur ayat bagi kumpulan pelajar menurut jenisnya berbeza-beza. Dalam Jadual 6 ini, pelajar perempuan lebih cenderung mencatatkan kekerapan yang tinggi berbanding kumpulan pelajar lelaki. Keseluruhan kekerapan dalam Jadual 6 ini berjumlah 301 kesilapan.

Pelajar perempuan melakukan kekerapan kesilapan berjumlah 170 (56.3%). Sementara pelajar lelaki melakukan kesilapan ayat berjumlah 132 (43.7%) kekerapan. Daripada jumlah ayat A1 hingga A9, kumpulan pelajar dan perempuan melakukan kesilapan yang sama banyak dalam struktur ayat A7 iaitu dengan jumlah kesilapan 9 (3.0%).

Dalam struktur ayat A8 kumpulan pelajar lelaki mengatasi kekerapan kumpulan pelajar perempuan iaitu 7 (2.32%). Dalam struktur ayat A1, A2, A3, A4, A5, A6, dan A9 kumpulan pelajar perempuan mengumpul jumlah kekerapan melebihi kumpulan lelaki.

Jadual 7 memaparkan kesilapan ayat yang dipuratakan daripada ujian karangan 1 dan ujian karangan 2.

Jadual 7
Kedudukan Kesilapan Ayat Yang Dipuratakan
Daripada Ujian Karangan 1 dan Ujian Karangan 2

Jenis Kesilapan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
	K	K	
A1	15	19	34
A2	19	19.5	38.5
A3	35	38	73
A4	6	6	12
A5	13	8.5	21.5
A6	36.5	52	88.5
A7	6	10	16
A8	9	6.5	15.5
A9	66.5	60.5	127
Jumlah	206	220	426

Jadual 7 iaitu kedudukan kesilapan ayat yang dipuratakan daripada ujian karangan 1 dan ujian karangan 2. Purata kekerapan kesilapan daripada kedua-dua karangan ini iaitu 426. Pelajar perempuan mencatatkan purata lebih tinggi iaitu 220 Sementara pelajar lelaki purata kekerapan sebanyak 206. Paling tinggi kesilapan struktur ayat A9. Purata kedua-dua kumpulan pelajar daripada ujian karangan 1 dan

ujian karangan 2 berjumlah 127. Kumpulan pelajar lelaki mencatatkan purata 66.5 sementara kumpulan pelajar perempuan 60.5. Dalam struktur ayat A4 puratanya 12. Kedua-dua kumpulan pelajar ini melakukan kesilapan dengan kadar jumlah yang sama banyak iaitu purata 6 kesilapan bagi setiap kumpulan pelajar. Struktur ayat A4 merupakan jumlah yang terkecil kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar yang dikaji. Jenis struktur ayat yang lain masing-masing mencatatkan purata kekerapan berjumlah A1 (21.5), A2 (38.1), A3 (73), A5 (21.5), A7(16) dan A8(15.5).Jadual 8 menunjukkan kedudukan kekerapan kesilapan ayat yang dipuratakan mengikut jenis-jenis daripada data dalam ujian karangan 1 dan ujian karangan 2.

Jadual 8
Kedudukan Kesilapan Ayat Daripada Ujian Karangan 1
dan Ujian karangan 2 Yang Dipuratakan Mengikut
Jenis Ayat Berdasarkan Jumlah Pelajar

Jenis Kesilapan	Lelaki (n=20)	Perempuan (n=20)	Jumlah (n=40)
	K	K	
A1	1.5	1.9	1.7
A2	1.9	1.95	1.92
A3	3.5	3.8	3.7
A4	0.6	0.6	0.6
A5	1.3	0.9	1.06
A6	3.7	5.2	4.43
A7	0.6	1.0	0.8
A8	0.9	0.7	0.8
A9	6.7	6.1	6.4
Jumlah	20.6	22.0	21.4

Jadual 8 kajian kesilapan ayat yang dipuratakan mengikut jenis ayat berdasarkan jumlah pelajar daripada ujian karangan 1 dan ujian karangan 2. Catatan

kekerapan purata setiap pelajar paling tinggi struktur ayat A9 Kumpulan pelajar lelaki setiap pelajar melakukan 6.7 kekerapan. Kumpulan pelajar perempuan pula melakukan 6.1 kesilapan setiap pelajar. Kumpulan pelajar lelaki secara purata bagi struktur ayat A3 (3.5) dan A6 (3.7).

Untuk struktur ayat A1, A2, A4, A5, A7 dan A8 purata setiap pelajar lelaki hanya berjumlah 0.0 hingga 1.9 kekerapan sahaja. Kumpulan pelajar perempuan purata kesilapan setiap orang untuk kedua-dua ujian karangan antara 0.9 hingga 6.1 bagi setiap jenis ayat A1 hingga A9. Jumlah purata kumpulan lelaki dan perempuan setiap pelajar melakukan kekerapan kesilapan untuk kedua-dua karangan iaitu 21.3. Kumpulan pelajar lelaki 20.6 sementara perempuan 22.0.

4.3 Perbandingan Kesilapan Ujian Karangan 1 (sebelum belajar morfologi dan sintaksis) dengan Ujian Karangan 2 (selepas belajar morfologi dan sintaksis)

Kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan kekerapan kesilapan ayat menurut jenis-jenisnya sebelum dan selepas pelajar mempelajari morfologi dan sintaksis.

Jadual 9

**Perbezaan Kekerapan Kesilapan Ayat Menurut Jenis
Dalam Karangan 1 dan 2 Secara Keseluruhan**

		Karangan 1		Karangan 2		Perbezaan	
J E N I S A Y A T	A1	K	51	K	49	K	2
		%	5.98	%	5.8	%	0.18
	A2	K	49	K	28	K	+21
		%	5.8	%	3.3	%	2.5
	A3	K	93	K	53	K	+40
		%	10.9	%	6.22	%	4.7
	A4	K	16	K	8	K	+8
		%	1.87	%	0.94	%	0.93
	A5	K	28	K	15	K	+13
		%	3.3	%	1.8	%	1.53
	A6	K	104	K	73	K	+31
		%	12.2	%	8.6	%	3.6
	A7	K	14	K	18	K	-4
		%	1.64	%	2.1	%	-0.47
	A8	K	19	K	12	K	+7
		%	2.23	%	1.41	%	0.82
	A9	K	177	K	77	K	+100
		%	20.8	%	9.04	%	11.74
Jumlah		K	551	K	301	K	250
	%	64.67	%	35.45	%	29.34	

Jadual 9 dalam karangan 1 (sebelum pelajar mempelajari morfologi dan sintaksis) kekerapan kesilapan struktur ayat A1 hingga A9 sebanyak 551 (64.67%) kekerapan. Perbandingan perbezaan kesilapan struktur ayat A1 hingga A9 bagi karangan 2 (selepas mempelajari morfologi dan sintaksis) telah berkurangan kepada 301 (35.45%) kekerapan. Perbezaan kesilapan antara ujian karangan 1 dan ujian karangan 2 sebanyak 250 (29.34%).

Perbezaan yang paling tinggi tercatat pada struktur ayat A9 iaitu 100 (11.7%). Kadar kesilapan A9 karangan 1 iaitu 177 (20.8%) telah menurun kepada 77 (9.04%)

dalam karangan 2. Dalam struktur ayat A3 mencatatkan perbezaan sebanyak 40 (4.7%).

Ayat A1 dan A6 sebanyak 34 (4.0%) dan 31 (3.6%) perbezaan kekerapan kesilapan. Kesilapan dalam karangan 1 bagi struktur ayat A1 sebanyak 51 (5.98%) telah menurun kepada 49 (5.8%) bagi karangan 2. Sementara struktur ayat A6, catatan kekerapan sebanyak 104 (12.2%) dalam karangan 1 telah menurun kekerapannya kepada 73 (8.6%) dalam karangan 2. Struktur ayat A2 dalam karangan 1 mencatatkan 49 (5.8%) telah menurun dalam karangan 2 kepada 28 (3.3%) kekerapan. Catatan perbezaan sebanyak 21 (2.5%). Struktur ayat A5, mencatatkan perbezaan 13 (1.53%) iaitu daripada 28 (3.3%) karangan 1 menurun kepada 15 (1.8%) dan dalam ujian karangan 2.

Ayat A4 dan A7 mencatatkan perbezaan antara 7 (0.82%) dan 8 (0.93%). Namun dalam ayat A7 memperlihatkan perkembangan yang negatif iaitu catatan perbezaan -4 (- 0.47%) dengan kekerapan yang terkumpul dalam karangan 1 berjumlah 14 (1.64%) kepada 18 (2.1%). Keadaan demikian berlaku kerana semasa dalam karangan 1, pelajar tidak melakukan kesilapan dalam jenis ayat A7, tetapi dalam karangan 2, pelajar melakukannya.

Jadual 10

Kekerapan Kesilapan Ayat Menurut Jenis-jenisnya
Berdasarkan Jantina
(sebelum dan selepas belajar morfologi dan sintaksis)

Lelaki							Perempuan					
Jenis Kesilapan	K1	%	K2	%	Beza	%	K1	%	K2	%	Beza	%
A1	25	2.93	5	0.6	20	2.35	26	3.05	12	1.4	14	1.64
A2	25	2.93	13	1.53	+12	1.4	24	2.82	15	1.8	9	1.06
A3	48	5.63	22	2.6	+26	3.05	45	5.3	31	3.6	14	1.64
A4	7	0.82	5	0.6	+2	0.23	9	1.05	3	0.4	6	0.70
A5	19	2.23	7	0.82	+12	1.41	9	1.05	8	0.94	1	0.117
A6	40	4.7	33	3.9	+7	0.8	64	7.5	40	4.7	24	2.8
A7	3	0.4	9	1.1	-6	-0.7	11	1.29	9	1.1	2	0.23
A8	11	1.29	7	0.82	+4	0.47	8	0.93	5	0.6	3	0.35
A9	103	12.1	30	3.25	+73	8.56	74	8.7	47	5.5	27	3.2
Jumlah	281	33.0	131	15.4	150	17.61	270	31.69	170	20.0	100	12.0

Dalam Jadual 10 pula, pengkaji memaparkan perbezaan kekerapan kesilapan struktur ayat menurut jenis-jenisnya (sebelum dan selepas belajar morfologi dan sintaksis) antara pelajar lelaki dan perempuan. Dalam ujian karangan 1 pelajar lelaki mencatatkan jumlah kesilapan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 281 (33.0%). Sementara kumpulan pelajar perempuan dalam ujian karangan 1 kesilapan struktur ayat A1 hingga A9 telah mencatatkan jumlah sebanyak 270 (31.69%).

Kumpulan pelajar lelaki telah menunjukkan peningkatan dengan menunjukkan pengurangan jumlah kesilapan struktur ayat. Jumlah kesilapan dalam ujian karangan 2 sebanyak 131 (15.4%). Pelajar perempuan pula melakukan kekerapan kesilapan sebanyak 170 (20.0%). Perbezaan antara ujian karangan 1 dan 2, kumpulan pelajar perempuan sebanyak 100 (12.0%) dan pelajar lelaki sebanyak 150 (17.1%).

Dalam ujian karangan 1 kumpulan pelajar lelaki melakukan kekerapan kesilapan ayat dalam ayat A9 iaitu 103 (12.1%). Kekerapan berkurang sebanyak 30 (3.25%) dalam ujian karangan 2. Catatan perbezaan antara karangan 1 dan ujian karangan 2 bagi struktur ayat A9 berjumlah 73 (8.56%).

Sementara kumpulan pelajar perempuan melakukan kesilapan (A9) lebih rendah iaitu 74 (8.7%) dalam karangan 1 dan telah menunjukkan prestasi yang baik dalam ujian karangan 2 iaitu mencatatkan jumlah kekerapan sebanyak 47 (5.5%). Catatan jumlah perbezaan ujian karangan 1 dan ujian karangan 2 sebanyak 27 (3.2%).

Dalam struktur ayat A7 pelajar lelaki mencatatkan 3 (0.4%) dalam ujian karangan 1 namun dalam ujian karangan 2 kekerapan semakin meningkat sebanyak 9 (1.1%). Namun kesilapan ini bukanlah dilakukan oleh pelajar yang sama. Kumpulan pelajar perempuan dalam struktur ayat A7 memaparkan perkembangan positif iaitu dalam ujian karangan 1 mencatatkan kekerapan berjumlah 11 (1.29%). Berbanding dalam ujian karangan 2 telah menurun kekerapan sebanyak 9 (1.1%). Catatan perbezaan sebanyak 2 (0.23%) kekerapan. Jenis ayat yang lain iaitu A1, A2, A3, A4, A5, A6 dan A8 menunjukkan perbezaan yang positif sama ada kumpulan pelajar lelaki atau kumpulan pelajar perempuan.

Jadual 11
Kekerapan Perbezaan Antara Kumpulan Pelajar
Lelaki dan Perempuan Dalam
Ujian Karangan 1 dan 2

Jenis Ayat	Perbezaan					
	Perempuan		Lelaki		Jumlah	
	Perbezaan	%	Perbezaan	%	Perbezaan	%
A1	20	2.35	14	1.64	34	4.0
A2	12	1.4	9	1.06	21	2.5
A3	26	3.05	14	1.64	40	4.7
A4	2	0.23	6	0.70	8	0.94
A5	12	1.41	1	0.117	13	1.52
A6	7	0.8	24	2.8	31	3.64
A7	-6	-0.7	2	0.23	-4	0.47
A8	4	0.47	3	0.35	7	0.82
A9	73	8.56	27	12.0	100	11.73
Jumlah	150	17.61	100	12.0	254	29.81

Jadual 11 memaparkan kekerapan perbezaan kesilapan struktur ayat antara kumpulan pelajar lelaki dan kumpulan pelajar perempuan dalam ujian karangan 1 dan 2. Kajian mendapati jumlah perbezaan keseluruhan iaitu lelaki dan kumpulan pelajar perempuan mencatatkan jumlah perbezaan sebanyak 254 (29.81%) Ayat A9 kumpulan pelajar lelaki menunjukkan perbezaan sebanyak 73 (8.56%) sementara pelajar perempuan 27 (12.0%).

Jumlah perbezaan kedua-dua kumpulan pelajar itu sebanyak 100 (11.73%). Dalam struktur ayat A6 pelajar perempuan menunjukkan perbezaan yang besar iaitu 24 (2.8%). Pelajar lelaki pula mencatatkan perbezaan yang besar selepas struktur ayat A9, ialah struktur ayat A3 dengan catatan jumlah sebanyak 26 (3.05%). Struktur ayat A1 dan A3 pula kumpulan pelajar perempuan pula menunjukkan jumlah perbezaan yang sama iaitu 14 (1.6%) kekerapan perbezaan. Paling kecil perbezaan yang dilakukan oleh kumpulan pelajar perempuan iaitu 1 (0.117%) dalam struktur ayat A5.

Sementara kumpulan pelajar lelaki menunjukkan kekerapan perbezaan yang kecil dalam ayat A8 iaitu 4 (0.47%). Dalam struktur ayat A7 kumpulan pelajar lelaki menunjukkan perkembangan yang mengundur iaitu -6 (-0.7%). Namun begitu kesilapan ini tidak dilakukan oleh oleh pelajar yang sama. Sebaliknya kumpulan pelajar perempuan tidak mencatatkan perkembangan yang mengundur dalam semua jenis ayat A1 hingga A9.

Jumlah perbezaan bagi kedua-dua kumpulan pelajar berdasar ujian karangan 1 dan ujian karangan 2 paling tinggi struktur ayat A9 100 (11.73%). Turutan seterusnya struktur ayat A3 40 (4.7%), A1 34 (4.0%), A6 31 (3.64%), A2 21 (2.5%), A5 13 (1.52%), A4 8 (0.94%) dan A8 7 (0.82%). Struktur ayat A7 mencatatkan perkembangan negatif -4 (-0.47%).

Secara keseluruhan, didapati kesilapan ayat bagi ujian karangan 1 dan ujian karangan 2 menunjukkan perbezaan yang besar iaitu mencatatkan jumlah 254 (29.81%). Kesimpulannya terdapat perbezaan yang ketara pengumpulan kekerapan kesilapan sebelum dan selepas pelajar mempelajari morfologi dan sintaksis.

4.3.1 Perbandingan Kesilapan Ayat Kumpulan Pelajar Berdasarkan Jantina

Bahagian ini akan membincangkan perbandingan kekerapan kesilapan ayat berdasarkan kumpulan pelajar;

- 1 Kesilapan struktur ayat menurut jantina
 - 1.1 Kumpulan pelajar lelaki
 - 1.2 Kumpulan pelajar perempuan

Jadual 12
Kekerapan Kesilapan Ayat Kumpulan Pelajar
Lelaki Dalam Ujian
Karangan 1 dan Ujian Karangan 2

Jenis Kesilapan	K	%
A1	30	3.5
A2	38	4.5
A3	70	8.21
A4	12	1.4
A5	26	3.0
A6	73	8.6
A7	12	1.4
A8	18	2.1
A9	133	15.6
Jumlah	412	48.4

Jadual 12 menunjukkan kekerapan kesilapan ayat kumpulan pelajar lelaki. Daripada jumlah kekerapan kesilapan ayat keseluruhannya berjumlah 852, sementara, 412 (48.4%) kekerapan kesilapan ayat yang telah dibuat oleh kumpulan pelajar lelaki. Kesilapan yang paling ketara ditunjukkan dalam Jadual 12 ialah struktur ayat A9 berjumlah 133 (15.6%). Kesilapan seterusnya yang dilakukan oleh kumpulan pelajar lelaki iaitu dalam struktur ayat A6 ini mencatatkan jumlah kekerapan sebanyak 73 (8.6%). Kekerapan kesilapan ayat selanjutnya struktur ayat A3 iaitu 70 (8.21%).

Seterusnya struktur ayat A2 menunjukkan kekerapan kesilapan sebanyak 38 (4.5%). Jenis struktur ayat A1 pula sebanyak 30 (3.5%) kekerapan. Kedudukan ini diikuti seterusnya oleh jenis A5 26 (1.4%), A8 18 (2.1%), A4 dan A7 mencatatkan 12 (1.4%) kekerapan kesilapan.

Jadual 13

Kekerapan Kesilapan Ayat Kumpulan Pelajar
Perempuan Dalam Ujian Karangan 1
dan Ujian Karangan 2

Jenis Kesilapan	K	%
A1	38	4.5
A2	39	4.6
A3	76	8.9
A4	12	1.4
A5	17	2.0
A6	104	12.2
A7	20	2.34
A8	13	1.52
A9	121	14.2
Jumlah	440	51.69

Dalam kekerapan kesilapan ayat, kumpulan pelajar perempuan, melakukan sebanyak 440 (51.69%). Jadual 13 menunjukkan kekerapan kesilapan ayat daripada kumpulan pelajar ini.

Daripada Jadual 13, didapati A9 mencatatkan kekerapan kesilapan tertinggi iaitu 121 (14.2%) daripada kesilapan keseluruhan 852 kekerapan. Sementara ayat A6 sebanyak 104 (12.2%). Manakala jenis ayat A3 sebanyak 76 (8.9%) kesilapan. Turutan seterusnya ayat A2 39 (4.6%). Kekerapan kesilapan A2 hampir menyamai A1 iaitu 38 (4.5%). Struktur ayat A7 catatan kekerapan sebanyak 20 (2.34%). Dalam kajian ini terdapat kumpulan pelajar perempuan melakukan kesilapan struktur ayat yang kurang daripada 20 kekerapan iaitu A5 17 (2.0%), A8 13 (1.52%), A4 12 (1.4%). Jenis ayat A4 mencatatkan kesilapan terendah.

Jadual 14
Perbandingan Kekerapan Ayat
Menurut Jantina

Jenis Kesilapan	Lelaki		Perempuan		Jumlah
	K	%	K	%	
A1	30	3.5	38	4.5	68
A2	38	4.5	39	4.6	77
A3	70	8.21	76	8.9	146
A4	12	1.4	12	1.4	24
A5	26	3.0	17	2.0	43
A6	73	8.6	104	12.2	177
A7	12	1.4	20	2.34	32
A8	18	2.1	13	1.52	31
A9	133	15.6	121	14.2	254
Jumlah	412	48.4	440	51.61	852
Purata	2.42			2.6	29.81

Jadual 14 menunjukkan pelajar lelaki melakukan kekerapan kesilapan yang tertinggi bagi jenis struktur ayat A9, iaitu berjumlah 133 (15.6%) daripada jumlah semua kesilapan yang dilakukan oleh pelajar kumpulan ini. Kumpulan perempuan juga membuat kesilapan yang banyak dalam jenis A9 berjumlah 121 (14.2%) kesilapan.

Ayat A6 jumlah kesilapan sebanyak 73 (8.6%) dilakukan oleh pelajar lelaki. Sementara pelajar perempuan melakukan kekerapan lebih tinggi daripada kumpulan lelaki iaitu 104 (12.2%).

Seterusnya kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan pelajar perempuan jenis ayat A3 76 (8.9%) kekerapan, A2 39 (4.6%), A1 dengan kekerapan 38 (4.5%) dan 20 (2.34%) kesilapan jenis ayat A7. Jenis ayat A5 dan A8 kekerapan kesilapan berjumlah 17 (2.0%) dan A3 (1.52%). Kesilapan ayat yang terendah sekali iaitu A4 sebanyak 12 (1.4%) kekerapan.

Sementara itu, jumlah kesilapan yang dikumpulkan oleh kumpulan pelajar lelaki pula ialah jenis-A3 70 (8.21%). Seterusnya, kesilapan A2 berjumlah 38 (4.5%), A1 berjumlah 30 (3.5%), A5 sebanyak 26 (3.0%), A8 berjumlah 18 (2.1%), A4 dan A7 jumlah sama banyak iaitu 12 (1.4%) kekerapan kesilapan.

Jadual 15

Senarai Jumlah Kesilapan Yang Dicatatkan Oleh Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan Mulai Dengan Kesilapan Yang Paling Banyak

Bil	Jenis Ayat	Lelaki	Jumlah Kesilapan	Perempuan	Jumlah Kesilapan
1	A1	A9	133	A9	121
2	A2	A6	73	A6	104
3	A3	A3	70	A3	76
4	A4	A2	38	A2	39
5	A5	A1	30	A1	38
6	A6	A5	26	A7	20
7	A7	A8	18	A5	17
8	A8	A4	12	A8	13
9	A9	A7	12	A4	12

Secara perbandingan, kedudukan kekerapan kesilapan jenis ayat dilakukan oleh kedua-dua kumpulan pelajar ini berbeza-beza, misalnya ayat A5 senarai keenam oleh pelajar lelaki dan A7 oleh pelajar perempuan, di tempat ketujuh jenis ayat A8 bagi pelajar lelaki dan A5 bagi pelajar perempuan. Pada kedudukan kelapan kumpulan pelajar lelaki ayat A7 dan A4 sebaliknya A8 bagi perempuan. Jenis ayat A4 pelajar perempuan pada kedudukan kesembilan.

Kedua-dua kumpulan pelajar lelaki dan perempuan melakukan kesilapan ayat sama pada kedudukan terbanyak iaitu A9, diikuti oleh ayat A6, A3, A2 dan A1.

Jadual 16

Perbandingan Kekerapan Kesilapan Ayat
Antara Kumpulan Pelajar Lelaki Dan Perempuan

Jenis Kesilapan	Lelaki			Perempuan		
	K	%	$\bar{X}$	K	%	$\bar{X}$
A1	30	3.5	1.5	38	4.5	1.9
A2	38	4.5	1.9	39	4.6	1.95
A3	70	8.21	3.5	76	8.9	3.8
A4	12	1.4	0.6	12	1.4	0.6
A5	26	3.0	1.3	17	2.0	0.85
A6	73	8.6	3.7	104	12.2	5.2
A7	12	1.4	0.6	20	2.34	1.0
A8	18	2.1	0.9	13	1.52	0.65
A9	133	15.6	6.7	121	14.2	6.05
Jumlah	412	48.4	20.7	440	51.61	22.0

Jadual 16, perbandingan kekerapan kesilapan ayat antara kumpulan pelajar lelaki dan perempuan. Secara perbandingan kumpulan pelajar perempuan mencatatkan kekerapan kesilapan yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Jumlah pelajar lelaki daripada dua ujian karangan 20.7 sementara pelajar perempuan 22.0. Jenis kesilapan A1 ($\bar{X} = 1.9$), A2 ($\bar{X} = 1.95$), A3 ($\bar{X} = 3.8$), A6 ($\bar{X} = 5.2$), dan A7 ($\bar{X} = 1.0$). Sementara kumpulan pelajar lelaki pula melakukan kesilapan lebih tinggi dalam jenis A5 ($\bar{X} = 1.3$), A8 ($\bar{X} = 0.9$) dan jenis A9 ($\bar{X} = 6.7$). Kedua-dua kumpulan pelajar melakukan kekerapan kesilapan yang sama banyak kekerapan dalam jenis A4 dengan $\bar{X} 0.6$

4.4 Analisis Soal selidik

Dalam kajian ini telah menjalankan kajian yang menggunakan soal-selidik terhadap pelajar yang menjadi sampel kajian ini. Hasil daripada kajian ini, beberapa maklumat penting yang ada hubungan dengan prestasi dan penguasaan bahasa Melayu pelajar telah diperolehi. Kajian dalam soal-selidik ini memfokuskan:

- 1 Kesilapan sintaksis berdasarkan keputusan PBM SPM (Pencapaian Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia)
- 2 Latar belakang penggunaan serta pelaksanaan pembelajaran bahasa Melayu dan hubungannya dengan jenis kesilapan ayat.

4.4.1 Kesilapan Ayat Berdasarkan PBM SPM

Perbincangan tentang kesilapan ayat kumpulan PBM SPM ini berdasarkan

1. Kumpulan PBM SPM menurut jantina
2. Kesilapan ayat kumpulan PBM SPM lelaki
3. Kesilapan ayat kumpulan PBM SPM perempuan
4. Perbandingan kesilapan ayat menurut PBM SPM

4.4.1.1 Kumpulan PBM SPM Menurut Jantina

Pengelompokan sampel ke dalam kumpulan tinggi, sederhana dan rendah dibuat berdasarkan gred mata pelajaran BM SPM pada tahun 1996. Gred 1 dan 2 tinggi, gred 3 dan 4 sederhana sementara 5 dan 6 kumpulan rendah. Sampel kajian tidak terdapat yang memperolehi gred 7 dan 8 kerana kelayakan untuk menyambung ke peringkat prauniversiti mesti mendapat kepujian bahasa Melayu.

Hasil daripada pengkelasan ini sebanyak 9 (22.5%) orang pelajar tergolong ke dalam kumpulan tinggi, 20 (50.0%) orang kumpulan sederhana dan 11 (27.5%) orang kumpulan rendah. Penggolongan ini diperincikan menurut jantina dalam Jadual 17;

Bilangan Pelajar Lelaki dan Perempuan
Kumpulan PBM SPM Tinggi, Sederhana
dan Rendah (n=40)

Kumpulan PBM SPM							
Jantina	Tinggi	%	Sederhana	%	Rendah	%	Jumlah
Lelaki	3	7.5	10	25.5	7	17.5	20
Perempuan	6	15.0	10	25.5	4	10.0	20
Jumlah	9	22.5	20	50.0	11	27.5	40

Daripada jumlah 20 pelajar lelaki kumpulan PBM tinggi seramai 3 (7.5%), kumpulan PBM sederhana 10 orang (25.0%) dan PBM rendah 7 (17.5%) orang.

Kumpulan pelajar perempuan pula daripada 20 orang pelajar, 6 orang (15.0%) tergolong dalam kategori kumpulan PBM tinggi, 10 orang (25.0%) tergolong ke dalam kumpulan PBM sederhana dan 4 orang (10.0%).

4.4.1.2 Kesilapan Ayat Kumpulan PBM Lelaki

Kekerapan kesilapan jenis struktur ayat oleh kumpulan PBM lelaki dibincangkan berdasarkan dapatan daripada Jadual 18.

Jadual 18**Kekerapan Kesilapan Ayat Kumpulan
PBM SPM Lelaki (n = 20)**

Jenis Kesilapan	Tinggi		Sederhana		Rendah		Jumlah
	K	%	K	%	K	%	
A1	4	1.0	15	3.6	12	2.9	31
A2	4	1.0	24	5.8	10	2.4	38
A3	13	3.2	39	9.5	18	4.4	70
A4	2	0.5	4	1.0	5	1.2	11
A5	0	0.0	9	2.2	17	4.1	26
A6	11	2.7	48	11.7	14	3.4	73
A7	2	0.5	7	1.7	3	0.73	12
A8	3	0.7	9	2.2	6	1.5	18
A9	32	32	54	13.1	47	11.4	133
Jumlah	71	17.2	209	50.7	132	32.04	412

Kajian ini mendapati daripada 412 keseluruhan kesilapan, jumlah kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan PBM tinggi sebanyak 71 (17.2%). Kekerapan paling tinggi daripada dapatan ini dilakukan oleh kumpulan PBM sederhana iaitu 209 (50.7%) kesilapan. Kemudian diikuti oleh kumpulan PBM rendah dengan catatan berjumlah 132 (32.04%) kekerapan.

Dapatan daripada Jadual 18 ini menunjukkan kumpulan PBM tinggi melakukan kesilapan paling kerap dalam jenis ayat A9 iaitu sebanyak 32 (7.8%). Jenis ayat A3 sebanyak 13 (3.2%) kekerapan. Manakala jenis ayat A6 sebanyak 11 (2.7%). Seterusnya ayat A1 dan A2 berjumlah 4 (1.0%), A8 sebanyak 3 (0.7%). Jenis ayat A4 dan A7 melakukan jumlah kekerapan yang sama juga iaitu 2 (0.5%). Manakala jenis ayat A5, kumpulan PBM tinggi tidak melakukan sebarang kesilapan.

Bagi kumpulan PBM sederhana pula, seperti kumpulan PBM tinggi juga melakukan jumlah kesilapan yang paling tinggi bagi jenis ayat A9 iaitu sebanyak 54 (13.1%) kekerapan. Diikuti pula oleh jenis ayat A6 sebanyak 48 (11.7%) kesilapan ayat A3 berjumlah 39 (9.5%), seterusnya ayat A2 dengan jumlah kekerapan sebanyak 24 (5.8%). Sementara jenis ayat A1 sebanyak 15 (3.6%) kekerapan. Manakala jenis ayat A5 dan A8 berjumlah 9 (2.2%) kekerapan. Ayat A4 mencatatkan kekerapan yang rendah iaitu 4 (1.0%) kesilapan.

Bagi kumpulan PBM rendah, kekerapan tertinggi hingga terendah iaitu A9 47 (11.4%), kesilapan, A3 berjumlah 18 (4.4%) kekerapan, A5 sebanyak 17 (4.1%) kesilapan, A6 berjumlah 14 (3.4%) kekerapan, diikuti seterusnya oleh jenis ayat A1 berjumlah 12 (2.9%). Jenis ayat A2, A8 dan A4 sebanyak 10 (2.4%), 6 (1.5%) dan 5 (1.2%) kekerapan. Jenis ayat paling sedikit mencatatkan kekerapan kesilapan bagi kumpulan PBM rendah ini iaitu ayat A7 dengan jumlah catatan sebanyak 3 (0.73%) kekerapan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mendapati kumpulan PBM sederhana paling tinggi melaksanakan kekerapan kesilapan berbanding dengan kumpulan PBM tinggi dan rendah. Kesilapan ayat ketiga-tiga tahap PBM SPM ini tidak menunjukkan perbezaan yang besar.

4.4.1.3 Kesilapan Ayat Kumpulan PBM Perempuan

Kekerapan kesilapan ayat yang dilakukan oleh kumpulan PBM perempuan dipaparkan melalui Jadual 19.

Jadual 19
Kekerapan Kesilapan Ayat Kumpulan
PBM Perempuan

Jenis Kesilapan	Tinggi		Sederhana		Rendah		Jumlah
	K	%	K	%	K	%	
A1	19	4.3	17	3.9	2	0.5	38
A2	16	3.6	9	2.1	13	3.0	38
A3	17	3.9	38	98.6	22	5.0	77
A4	4	0.9	4	0.9	4	0.9	12
A5	5	1.1	5	1.1	7	1.6	17
A6	33	7.5	60	13.6	11	2.5	104
A7	8	1.8	6	1.4	6	1.4	20
A8	7	1.6	4	0.9	2	0.5	13
A9	32	7.2	73	16.6	16	3.6	121
Jumlah	141	32.04	216	49.1	83	18.9	440

Dapatan daripada kajian ini mendapati keseluruhan kekerapan kesilapan berjumlah 440 daripada jenis ayat A1 hingga A9. Kumpulan PBM sederhana melakukan kesilapan paling tinggi iaitu 216 (49.1%). Seterusnya kumpulan PBM tinggi melakukan kesilapan ayat berjumlah 141 (32.04%). Kumpulan PBM paling sedikit kekerapan kumpulan PBM rendah dengan catatan sebanyak 83 (18.9%).

Kumpulan PBM tinggi, daripada dapatan, jenis ayat A6 mencatatkan kekerapan tertinggi iaitu 33 (7.5%). Ayat A9 kekerapan kesilapan berjumlah 32 (7.2%). Seterusnya diikuti oleh kekerapan ayat jenis A1 dengan 19 (4.3%), A3 berjumlah 17

(3.9%) dan A2 sebanyak 16 (3.6%). Sejumlah empat jenis ayat yang berikut A7, A8, A5, dan A4 setiap jenis mencatatkan kekerapan kesilapan berjumlah 8 (1.8%), 7 (1.6%), 5 (1.1%) dan 4 (0.9%) kekerapan.

Bagi kumpulan sederhana PBM BM pula, kekerapan yang tertinggi jenis ayat A9 berjumlah 73 (16.6%) kesilapan. Jenis ayat A6 pula berjumlah 60 (13.6%) Jenis ayat A3 dan A1 kekerapan kesilapan berjumlah 38 (8.6%) dan 17 (3.9%). Manakala jenis kesilapan yang lain jumlah kekerapan kesilapan yang kurang daripada 10 kali. Jenis ayat itu seperti A2 berjumlah 9 (2.1%), A7 sebanyak 6 (1.4%), A5 dengan catatan 5 (1.1%) dan A4 berjumlah 4 (0.9%).

Kumpulan PBM SPM rendah perempuan pula, kekerapan yang tinggi dilakukan dalam ayat jenis A3 iaitu 22 (5.0%) diikuti A9 sebanyak 16 (3.6%). Jenis ayat A2 dan A6 kesilapan berjumlah 13 (3.0%) dan 11 (2.5%) kekerapan. Lima jenis ayat yang lain mencatatkan kekerapan yang kurang daripada 10 kali. Jenis-jenis ayat itu ialah A5, A7, A4, A1 dan A8 dengan jumlah kekerapan sebanyak 7 (1.6%), 6 (1.4%), 4 (0.9%) dan masing-masing 2 (0.5%).

Kesimpulannya, kumpulan PBM SPM perempuan menunjukkan kekerapan yang tinggi dilakukan oleh kumpulan sederhana, diikuti kumpulan tinggi dan paling sedikit kumpulan rendah. Keseluruhannya ketiga-tiga kumpulan PBM SPM kumpulan pelajar perempuan tidak menunjukkan perbezaan kesilapan yang besar.

4.4.1.4 Perbandingan Kesilapan Ayat PBM SPM

Kekerapan kesilapan ayat bagi kumpulan PBM lelaki dan perempuan dapat dilihat pada Jadual 18 dan 19. Kumpulan PBM lelaki dan perempuan seperti catatan dalam Jadual 18 dan 19 mempunyai 3 subkumpulan, iaitu kumpulan tinggi, sederhana dan rendah. Dapatan kajian, kumpulan PBM lelaki melakukan kesilapan sebanyak 412, sementara kumpulan PBM perempuan mencatatkan kesilapan lebih tinggi iaitu 440 kekerapan.

Secara perbandingan kumpulan PBM perempuan lebih banyak melakukan kesilapan daripada PBM lelaki dengan catatan perbezaan sebanyak 3.286 peratus.

Bagi setiap kategori bagi kumpulan PBM tinggi perempuan lebih kerap melakukan kesilapan sebanyak 141 (32.04%) dengan purata kesilapan sebanyak 23.5 berbanding dengan kumpulan PBM tinggi lelaki mengumpul sebanyak 17 (17.2%) kekerapan. Purata kekerapan berjumlah 23.6. Perbandingan purata kesilapan antara kedua-dua kumpulan ini berjumlah 0.1.

Antara kedua-dua kumpulan PBM sederhana yang dikaji ini pula, kajian ini mendapati kumpulan PBM sederhana perempuan mencatatkan kesilapan yang lebih tinggi juga berbanding dengan kekerapan oleh PBM sederhana lelaki. Kumpulan ini melakukan purata 21.6 atau 216 (49.1%). Berbanding kumpulan PBM sederhana lelaki mencatatkan purata 20.9 atau 209 (50.7%) kekerapan kesilapan. Perbezaan perbandingan purata antara kedua-dua kumpulan PBM ini berjumlah 0.7.

Perbandingan kumpulan rendah PBM SPM antara kedua-dua kumpulan ini kumpulan lelaki mengumpul kekerapan lebih tinggi iaitu 132 (32.04%) berbanding kumpulan PBM perempuan hanya melakukan kekerapan kesilapan sebanyak 83 (18.85). Perbandingan purata kesilapan kumpulan PBM perempuan mengumpul jumlah sebanyak 20.75 sementara kumpulan PBM lelaki pula sebanyak 18.85 kali. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara/besar antara kumpulan pelajar lelaki dan perempuan tentang kekerapan kesilapan ayat BM berdasarkan taraf PBM SPM.

4.4.2 Latar Belakang Bahasa, Penggunaan Pembelajaran Bahasa Melayu dan Hubungannya Dengan Jenis-jenis Kesilapan Di kalangan Pelajar

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan berdasarkan keutamaan berikut;

1. Penggunaan bahasa harian
2. Maklumat pembelajaran bahasa Melayu

4.4.2.1 Penggunaan Bahasa Harian

Hasil daripada kajian soal selidik, didapati setiap pelajar menggunakan satu bahasa iaitu bahasa Melayu dalam komunikasi harian. Bahasa yang digunakan oleh pelajar dalam komunikasi harian kebanyakan laras dialek. Terdapat dua orang pelajar sahaja yang menggunakan bahasa baku. Dapatan daripada maklum balas

dalam soal selidik menunjukkan 95.0% pelajar yang menjadi sampel kajian ini menggunakan bahasa dialek (dialek ala Kelantan). Hanya 5.0% menggunakan bahasa baku.

4.4.2.2 Maklumat Pembelajaran Bahasa Melayu.

Jadual 20
Jumlah Pelajar Mengikut Minat Mempelajari Bahasa Melayu

Minat	Bilangan	Peratus
Amat Minat	8	20%
Minat	32	80%
Jumlah	40	100%

Daripada 40 sampel soal selidik ini minat pelajar mempelajari bahasa Melayu terdapat 8 orang (20%) amat berminat belajar bahasa Melayu. Sementara 32 sampel lagi hanya berminat sahaja belajar bahasa Melayu iaitu (80%) pelajar.

Pelajar prauniversiti SMKSN iaitu sampel 34 orang (85%) tidak pernah mengikuti kursus tentang pembelajaran bahasa Melayu. Hanya terdapat 6 orang (15%) sahaja yang pernah mengikuti kursus pembelajaran bahasa Melayu.

Peruntukan masa pembelajaran bahasa Melayu satu waktu selama 40 minit bagi sekolah yang dikaji (SMKSN).

Jadual 21
Jumlah Buku Bahasa Melayu Yang Dibaca
Dalam Sebulan

Jumlah	Bilangan Pelajar	%
Lebih daripada 5 buah	8	20.0%
4 buah	2	5%
3 buah	10	25%
Kurang daripada 3 buah	20	50%
Jumlah	40	100%

Jadual 21 memaparkan jumlah buku bahasa yang dibaca oleh sampel pelajar SMKSN dalam masa sebulan sebagai persediaan untuk pembelajaran bahasa Melayu (terutama karangan).

Berdasarkan Jadual 21 ini, didapati 8 orang pelajar (20%) yang telah membaca buku yang berkaitan dengan bahasa lebih daripada 5 buah sebulan. Pelajar yang membaca 4 buah sebulan terdapat 2 orang iaitu (5%). Sementara itu 25% iaitu 10 orang pelajar yang membaca hanya 3 buah buku berkaitan bahasa sebulan. Sebahagian besar iaitu 50% atau seramai 20 orang pelajar yang hanya membaca buku bahasa sebanyak kurang daripada 3 buah sebulan. Di samping itu kemungkinan pelajar membaca juga buku-buku lain selain daripada buku bahasa.

Dalam latihan membaca untuk tujuan karangan sebulan terdapat 11 orang pelajar atau (27.5%) yang membaca kurang daripada 4 kali. Pelajar yang membaca untuk tujuan latihan karangan dalam sebulan sebanyak 3 kali seramai 21 (52.5%) orang. Sementara 8 orang atau 40% pelajar yang membaca kurang daripada 2 kali untuk tujuan membuat karangan.

Pelajar yang menghabiskan masa seminggu untuk kerja-kerja bagi mata pelajaran bahasa Melayu terdapat dalam Jadual 22;

Jadual 22
Masa Membuat Kerja-kerja Bagi Mata Pelajaran
Bahasa Melayu Seminggu

Masa	Bilangan Pelajar	%
Lebih 5 jam	4	10%
4 jam	5	12.5%
3 jam	12	30%
Kurang 2 jam	19	47.5%
Jumlah	40	100%

Berdasarkan Jadual 22 pelajar yang menghabiskan masa lebih daripada 5 jam seminggu untuk membuat kerja-kerja bagi mata pelajaran bahasa Melayu seramai 4 orang iaitu 10%. Sementara yang menghabiskan masa selama 4 jam seminggu pula terdapat 5 orang iaitu 12.5%. Terdapat 12 orang pelajar yang menggunakan masa selama 3 jam seminggu tumpuan kertas bahasa Melayu peratusnya 30%. Paling ramai pelajar iaitu 47.5% atau 19 orang pelajar yang menumpukan bagi kerja-kerja kertas bahasa Melayu selama kurang daripada 2 jam seminggu.

Dalam waktu belajar itu, pelajar terpaksa menumpukan kertas lain yang menjadi syarat wajib atau elektif dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang menjadi tiket untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke universiti.

Inisiatif pelajar sendiri membuat karangan dalam seminggu tidak termasuk yang diberikan oleh guru berdasarkan sampel soal selidik terdapat 34 orang iaitu 85%

pelajar. Hanya 5 orang (12.5%) sahaja membuat dua atau tiga buah karangan dengan inisiatif sendiri dalam seminggu. Hanya seorang (2.5%) yang membuat tiga karangan seminggu.

Sementara karangan yang diberi oleh guru dalam sebulan antara 2 atau 3 buah karangan. Dalam aspek cara membetulkan ayat dalam karangan oleh guru di sekolah berdasarkan jawapan sampel keseluruhan, guru memang melakukan pembetulan ayat dalam karangan pelajar. Demikian juga dalam aspek membuat latihan membina ayat dalam seminggu terdapat dua hingga tiga kali.

Dalam sebulan pengajaran karangan secara teori dilakukan sebanyak 2 hingga 3 kali. Selain itu, pelajar juga diberi latihan karangan secara amali sebanyak 2 atau 3 kali selain ujian bulanan dalam tempoh sebulan. Menulis karangan sebagai karangan minda dalam sebulan sampel melakukan antara 2 hingga 3 kali.

Dalam menyiapkan sesebuah karangan terdapat 29 sampel atau (72.5%) pelajar yang memberikan tumpuan kepada isi dan bahasa. Terdapat 11 sampel (27.5%) yang hanya memberikan tumpuan kepada isi sahaja dalam menulis sesebuah karangan. Keseluruhan sampel memperbaiki kesalahan bahasa dan tanda baca dalam karangan. Demikian juga selepas pemeriksaan dilakukan oleh guru kebanyakan sampel telah memperbaiki kesilapan yang ditunjukkan oleh guru.

Cara sampel berlatih menulis karangan terdapat 24 (60%) sampel yang merangka isi karangan terlebih dahulu sebelum berlatih menulis karangan. Terdapat 9

(22.5%) sampel yang melihat dan menyalin contoh karangan terbaik semasa berlatih menulis karangan. Selebihnya 7 sampel iatu (17.5%) yang menggunakan cara terus menulis karangan.

Dalam menyediakan sesebuah karangan, sampel yang dikaji kebanyakannya menulis karangan berpandukan kepada petua-petua yang diberi oleh guru. Namun terdapat juga sampel yang tiru gaya bahasa dalam buku atau majalah. Di samping itu terdapat segelintir pelajar menggunakan keupayaan sendiri.

Keseluruhan pelajar memberi perhatian yang bersungguh-sungguh kepada bahasa untuk mengelakkan kesilapan. Demikian juga dengan rujukan, sampel telah membuat rujukan semasa membuat sesuatu penulisan.

Sebahagian besar pelajar memerlukan penambahan latihan penulisan daripada 2 kali sebulan. Hanya 3 sampel (7.5%) yang memilih supaya latihan tidak perlu ditambahkan lagi

Kekerapan penulisan karangan 2 hingga 3 kali sebulan sudah mencukupi kepada pelajar. Namun kekerapan kesilapan ayat dalam sintaksis masih lagi tinggi. Hal ini kemungkinan dipengaruhi juga oleh penekanan terhadap isi menyebabkan pemerhatian pelajar terabai dalam bahasa dan tatabahasa.

4.5 Contoh-contoh Kesilapan Ayat Yang Ketara Kesilapan Struktur Ayat

Dapatan kajian mendapati pelajar yang dikaji telah melakukan beberapa jenis kesilapan bahasa. Pengkaji membahagikan kesilapan itu kepada 9 jenis. Pembahagian kesilapan itu berdasarkan kepada kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tersebut. Jenis-jenis ayat seperti tersenarai di bawah;

A1 – Kesilapan struktur ayat tunggal

A2- Kesilapan struktur ayat majmuk gabungan

A3 – Kesilapan struktur ayat majmuk pancangan relatif

A4 – Kesilapan struktur ayat majmuk komplemen

A5 – Kesilapan struktur ayat majmuk keterangan

A6 – Kesilapan struktur ayat majmuk campuran

A7 – Kesilapan struktur ayat aktif

A8 – Kesilapan struktur ayat pasif

A9 – Kesilapan struktur ayat saduran

Jumlah keseluruhan kesilapan struktur ayat berjumlah 852 kekerapan kesilapan dalam 2 buah karangan dengan purata kesilapan setiap orang 21.3 kali.

4.5.1 Kesilapan Struktur Ayat Saduran (A9)

Daripada pemerhatian yang telah dibuat, pengkaji mendapati kesilapan struktur jenis ayat A9 ini berpunca daripada pengaruh struktur ayat bahasa Inggeris. Pembuktiannya daripada pemakaian frasa relatif, di mana, yang mana, dan juga

pemakaian kata pemeris adalah dan ialah sebagai terjemahan langsung kata kerja is, are, was dan were dalam bahasa Inggeris. Beberapa contoh kesilapan jenis ayat A9 yang telah dilakukan oleh pelajar;

1. Kita sering dipaparkan dengan mengenai keadaan setinggan di beberapa kawasan di mana pembinaan rumah-rumah yang tidak sempurna sangat dan keadaan rumah yang tidak teratur.
2. Jadi, kawasan setinggan menjadi tumpuan untuk menjimatkan wang kerana seperti mana yang diketahui, kos pembayaran sewa di bandar-bandar besar amat tinggi seperti Kuala Lumpur dan Johor Baharu.
3. Langkah seterusnya ialah dengan menghadkan caruman KWSP.

Dalam ayat (1) frasa di mana seolah-olah diada-adakan dan ini merupakan unsur yang tidak diperlukan. Pengolahan semula, ayat ini akan menjadi lebih jelas.

- 1a. Kita sering dipaparkan tentang pembinaan rumah setinggan di beberapa kawasan yang tidak begitu sempurna dan tidak teratur.

Dalam ayat (2) perkataan seperti mana tidak diperlukan, Dengan membuat sedikit pengolahan ayat (2) akan menjadi lebih jelas.

- 2a Kos pembayaran sewa rumah yang tinggi di bandar-bandar besar seperti, Kuala Lumpur dan Johor Bahru menyebabkan kawasan setinggan menjadi tumpuan.

Sementara ayat (3) pula, walaupun tidak terdapat unsur di mana atau seperti mana tetapi masih juga mencerminkan pengaruh ayat bahasa Inggeris kerana unsur ialah dalam ayat itu berupa padanan daripada kata kerja is. Tanpa kata pemerian ialah tidak mencatatkan ayat tersebut.

3a Langkah seterusnya, dengan meneghadkan caruman KWSP.

Contoh-contoh kesilapan yang lain, dilakukan oleh pelajar dan pembetulanannya ditunjukkan seperti di bawah;

4. Seterusnya cara untuk mengatasi masalah setinggan ialah menyediakan subsidi pinjaman, subsidi kewangan kepada penghuni yang tidak mampu membeli rumah kos rendah.
(Seterusnya cara untuk mengatasi masalah setinggan, kerajaan seharusnya menyediakan subsidi pinjaman dan kewangan kepada penghuni yang tidak mampu membeli rumah kos rendah)
5. Punca berlakunya masalah setinggan ini ialah akibat daripada ketiadaan tanah yang sah milik.
(Punca berlakunya masalah setinggan ini akibat daripada ketiadaan tanah milik sendiri)
6. Masalah setinggan biasanya berlaku di bandar-bandar besar yang pesat membangun di mana taraf hidup akan meningkat.
(Masalah setinggan biasanya berlaku di bandar-bandar besar yang pesat membangun dan bertaraf hidup tinggi)

Daripada contoh-contoh kesilapan yang disenaraikan didapati pelajar-pelajar agak terpengaruh dengan struktur ayat bahasa Inggeris. Kekerapan kesilapan ayat A9 ini amat tinggi dilakukan oleh pelajar dalam ujian karangan 1. Pada peringkat ujian karangan 1 purata kesilapan berjumlah 4.4 kali telah menurun kekerapannya kepada 1.9 kali dalam ujian karangan 2. Dapatan kajian daripada angka ini kemungkinan pada peringkat awal pelajar belum didedahkan dengan morfologi kata tugas. Kemungkinan seterusnya pelajar telah sebatu dengan penggunaan kata **ialah**, **adalah**, **di mana**, **dan yang mana**, dalam percakapan harian.

4.5.2 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Campuran (A6)

Jadual 3 menunjukkan bahawa kekerapan kesilapan jenis A6 bagi seluruh pelajar ($n = 40$) yang kedua tinggi, iaitu 177 (20.8%) daripada keseluruhan 852. Purata kesilapan berjumlah 4.4 bagi setiap orang.

Dapatan daripada pemeriksaan yang dilakukan kesilapan pelajar dalam aspek ini kerana mereka membina struktur yang panjang dan berbelit-belit sehingga menghasilkan makna yang kabur. Kekaburan ini berpunca daripada penggunaan kata hubung yang tidak tepat, imbuhan yang tidak sesuai sehingga membentuk ayat yang tidak kemas dan betul tatabahasanya. Di samping itu, penggunaan jamak yang tidak sesuai boleh menyebabkan terjadi kesilapan ayat.

Contoh

1. **Ibu bapa juga tidak perlu memberikan kebebasan yang lebih kepada anak-anak ini penting dan mereka akan**

menggunakan kebebasan yang diberikan dengan melakukan vandalisme.

Ayat (1) di atas terdiri daripada 2 potong ayat iaitu;

- a. **Ibu bapa juga tidak perlu memberi kebebasan yang lebih kepada anak-anak.**
- b. **Mereka akan menggunakan kebebasan yang diberikan dengan melakukan vandalisme.**

Ayat (a), ayat majmuk pancangan relatif

Ayat (b), ayat majmuk keterangan

Penggabungan ayat yang tidak kemas dan licin maka ayat (1) menjadi tidak gramatis. Ayat ini seharusnya ditulis seperti berikut;

Ibu bapa tidak perlu memberikan kebebasan yang lebih kepada anak-anak kerana mereka akan menggunakan kebebasan yang diberi untuk melakukan kegiatan vandalisme.

Contoh-contoh lain dan pembetulan seperti yang tersenarai di bawah;

2. **Pihak kerajaan juga dapat mengatasi masalah ini dengan memperbanyakkan lagi kempen-kempen dan motivasi yang dapat memberi kesedaran kepada golongan ini.**

(Pihak kerajaan dapat mengatasi masalah ini dengan memperbanyakkan kempen dan motivasi supaya dapat menyedarkan golongan ini).

3. Pihak sekolah bukan sahaja mendidik para pelajar dengan ilmu asas tetapi juga perlu menekankan tentang perkara-perkara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh remaja dan berpelajaran.
(Pihak sekolah bukan sahaja mendidik para pelajar dengan ilmu asas, tetapi juga perlu menekankan gejala yang sepatutnya dielakkan oleh remaja yang berpelajaran.)
4. Pendidikan agama dan moral perlu untuk mendedahkan anak-anak atau golongan remaja khususnya dapat mengetahui kesan-kesan buruk daripada masalah ini.
(Pendidikan agama dan moral perlu untuk menyedarkan anak-anak atau golongan remaja tentang kesan buruk yang mungkin timbul daripada masalah ini.)
5. Mereka mungkin akan menjaga kemudahan-kemudahan yang disediakan dan lebih-lebih lagi cuba memperbaiki kemudahan-kemudahan tersebut apabila rosak.
(Mereka mungkin akan menjaga kemudahan yang disediakan dan akan cuba membaikinya jika berlaku kerosakkan).
6. Kempen yang mereka jalankan itu boleh membantu dalam usaha-usaha membendung masalah vandalisme, kerana kesedaran yang tinggi dan kesungguhan yang teguh itu dapat menyedarkan golongan remaja yang telah lama terjebak dengan kancah ini.

(Kempen-kempen yang dijalankan boleh membantu membendung masalah vandalisma. Kesedaran yang tinggi daripada remaja ini dapat membantu menyedarkan rakan remaja yang lain yang telah lama terjebak dalam kancuh ini).

Daripada contoh-contoh kesilapan di atas di dapati pelajar yang terlibat tidak berkemahiran menggunakan kata hubung untuk menyambung ayat tunggal, ayat pancangan, penggunaan kata yang tidak sesuai dengan maksud ayat, penggunaan kata jamak dalam dalam subjek dan predikat secara serentak dan lain-lain untuk menjadi ayat majmuk campuran. Kemungkinan hal demikian terjadi kerana pelajar yang terlibat tidak didedahkan dengan latihan-latihan yang cukup untuk menggunakan ayat campuran. Ada juga kemungkinan kesilapan ayat jenis A6 ini berkaitan dengan kebiasaan pelajar berkenaan menggunakan ayat yang pendek-pendek dalam percakapan harian.

4.5.3 Ayat Majmuk Relatif (A3)

Ayat majmuk relatif atau nama lengkapnya ayat majmuk pancangan relatif merupakan jenis kesilapan yang ketiga kekerapannya. Peratus kesalahannya sebanyak 17.14% iaitu sebanyak 146 kekerapan daripada 852 kekerapan keseluruhan. Purata kesilapan per seorang iaitu 3.7.

Dapatan daripada kajian, kesilapan struktur A3 ini berpunca daripada kesilapan menggunakan penanda relatif dan kesilapan konsituen-konsituen dalam

binaan subjek dan predikat ayat. Antara contoh-contoh kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah;

- 1 **Kebanyakan golongan remaja dalam lingkungan umur 15 tahun hingga 18 tahun adalah golongan yang aktif dalam masalah ini berbanding peringkat umur lain.**

- 2 **Bilangan penduduk yang ramai disesuatu kawasan yang mempunyai keluasan yang tidak dapat menampung jumlah penduduk yang merupakan masalah utama yang dihadapi.**

- 3 **Sekiranya perlu pihak kerajaan haruslah mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka-mereka yang didapati bersalah dalam pembinaan rumah setinggan.**

Kesilapan ayat (1) berpunca daripada penggunaan frasa **yang aktif** tidak begitu sesuai dengan konteks ayat. Kehadiran frasa **yang aktif** dalam ayat ini menjadikan ayat itu janggal dan kurang gramatis. Oleh itu ayat (1) dapat ditulis semula sebagai;

- 1a. **Remaja yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 18 tahun merupakan golongan yang ramai terlibat dalam masalah ini berbanding dengan peringkat umur yang lain.**

Kesilapan ayat (2) berpunca daripada penggunaan kata **yang** agak kerap dalam ayat sehingga menimbulkan makna ayat yang kurang tepat. Ayat ini boleh dibaiki. Pembedulannya seperti;

- 2a. Kawasan yang sempit berbanding jumlah penduduk yang ramai akan menimbulkan masalah kepada penduduk di kawasan tersebut.**

Sementara ayat ke-3 terdapat penggunaan kata jamak dalam kedua-dua konsituen subjek dan predikat ayat relatif. Ayat boleh diperbetul seperti di bawah;

- 3a. Jika perlu kerajaan hendaklah mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang didapati bersalah dalam pembinaan rumah setinggan.**

Contoh-contoh kesilapan jenis A3 seterusnya dan pembedulan seperti berikut;

- 4. Perhatian ibu bapa juga penting kerana kebanyakan remaja yang terlibat dalam gejala-gejala yang kurang sihat berpunca daripada kurangnya perhatian daripada ibu bapa.**

(Perhatian ibu bapa juga penting, kerana kebanyakan remaja yang terlibat dalam gejala yang tidak sihat berpunca daripada kurang perhatian daripada ibu bapa.)

5. **Oleh itu, mereka yang mendiami setinggan ini membina rumah di tapak-tapak pembinaan ataupun di atas tanah kerajaan.**

(Oleh itu, mereka yang mendiami rumah setinggan ini, membina rumah di tapak pembinaan atau di atas tanah kerajaan.)

Kesilapan ayat A3 ini, walaupun tidak sekerap ayat A9, tetapi fenomena ini memberi gambaran bahawa pelajar yang terlibat kurang memahami pembinaan pola ayat ini. Kebanyakan pelajar kurang mahir bagaimana klausa kecil dipancangkan ke dalam satu ayat induk. Di samping itu, struktur ayat yang tidak mempunyai objek selepas **kata kerja transitif (kkt)**, dan penggunaan kata jamak pada kedua-dua bahagian subjek dan predikat. Selain itu pelajar kurang cermat malahan tidak menyemak tulisan mereka secara teliti.

4.5.4 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Gabungan (A2)

Kesilapan struktur ayat majmuk gabungan (A2) merupakan kesilapan yang keempat banyaknya. Kesilapan jenis A2 ini mencatatkan jumlah kekerapan sebanyak 77 (9.04%) dengan purata kesilapan oleh setiap orang pelajar sebanyak 1.92 kali daripada keseluruhan kesilapan ayat sebanyak 852.

Daripada kajian yang dibuat, kesilapan struktur ayat A2 berpunca penggunaan kata hubung yang sama berulang kali. Selain itu, kesilapan yang disebabkan oleh konsituen-konsituen yang menjadi komponen dalam gatra subjek atau predikat dan sebagainya. Antara contoh-contoh kesilapan yang dilakukan oleh pelajar;

1. **Ia biasanya berlaku bukan hanya kerana penduduk di negara ini, malah turut membabitkan warga asing.**

Dalam ayat (1), bahagian pertama dalam struktur tersebut jelas pengaruh daripada bahasa basahan. Ayat (1) dapat di tulis semula sebagai;

(Masalah ini berlaku bukannya berpunca daripada penduduk tempatan sahaja tetapi turut membabitkan warga asing.)

2. **Misalnya, pendatang asing dari Bangladesh, Indonesia, Thailand dan lain-lain.**

Kesilapan ayat (2) kerana hanya konsituen predikat sahaja tanpa konsituen subjek. Ayat ini harus dibina sebagai;

(Pendatang asing misalnya datang dari Bangladesh, Indonesia, Thailand dan lain-lain.)

3. **Mereka datang dan susah untuk mendapatkan rumah.**

Sementara ayat (3) pula, kesilapan disebabkan oleh pengaruh bahasa basahan dan penggunaan kata hubung 'dan' yang tidak sesuai. Ayat tersebut sepatutnya dibina sebagai;

(Kedatangan mereka ini menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan rumah.)

Contoh-contoh lain kesilapan jenis A2 dan pembetulan seperti berikut;

4. **Rumah setinggan juga lebih giat dibina dan semakin hari semakin bertambah.**

(Rumah setinggan semakin giat dibina dan bertambah dari hari ke hari.)

5. **Media massa hendaklah menyarankan kesan-kesan akibat daripada vandalisme atau cara-cara mengatasi vandalisme.**

(Media massa hendaklah memaparkan kesan dan cara-cara mengatasi vandalisme.)

Pola ayat majmuk gabungan ini banyak didapati terpengaruh dengan bahasa basahan. Satu daripada sifat-sifat bahasa basahan, bahasanya mudah dengan ayat-ayat yang ringkas dan perkataan yang terpotong-potong atau tertinggal (Nik Safiah Karim, dll: 1986c: 28; Abdullah Hasan: 1987: 16).

4.5.5 Kesilapan Struktur Ayat Tunggal (A1)

Kekerapan kesilapan struktur ayat tunggal (A1) menduduki tempat kelima daripada sembilan jenis kesilapan ayat. Daripada jumlah 852 kekerapan kesilapan ayat, sebanyak 68 (8.0%) kekerapan dengan purata kesilapan berjumlah 1.7 kali oleh seorang pelajar.

Dapatan daripada kajian, kesilapan ini berpunca daripada kesilapan unsur-unsur yang membentuk ayat tunggal. Kesilapan itu seperti kesilapan menggunakan imbuhan, kata sendi nama, kata tugas dan sebagainya. Antara contoh kesilapan yang telah dilakukan oleh pelajar ialah;

1. **Antaranya dua buah, tiga buah dan beberapa buah lagi.**
2. **Misalnya di Petaling Jaya, Kuala Lumpur, Selangor dan lain-lain.**
3. **Langkah seterusnya pihak sekolah.**

Kesilapan ayat pertama, dikesan tidak mempunyai subjek dan objek dalam ayat. Ayat ini boleh diolah semula supaya lebih jelas;

- 1a. **(Sesetengah individu antaranya terdapat yang memiliki dua, tiga dan beberapa buah rumah lagi.)**

Kesalahan ayat kedua kerana ayat ini hanya mempunyai keterangan ayat sahaja. Sepatutnya ayat ini dibina sebagai;

- 2a. **(Masalah setingan terdapat di beberapa kawasan contohnya di Petaling Jaya, Kuala Lumpur, Selangor dan lain-lain.)**

Kesilapan ayat (3) tidak mempunyai predikat frasa kerja. Hal ini, menyebabkan makna ayat ini menjadi kurang jelas atau kabur. Dalam hubungan ini, ada dua bentuk frasa yang boleh digunakan iaitu ‘untuk mengatasi vandalisme’ dan ‘jawab’. Oleh yang demikian ayat (3) dapat ditulis semula supaya menjadi betul seperti yang berikut ;

3a. (Langkah untuk mengatasi masalah vandalisme seterusnya menjadi tanggung jawab sekolah)

Contoh-contoh kesilapan yang lain dalam jenis A1 ini dengan pembetulan sebagai;

4. **Contoh kerajaan memberi pinjaman untuk membina rumah.**
(Pelbagai cara untuk mengatasi masalah setinggan, contohnya, kerajaan memberikan pinjaman untuk membina rumah.)
5. **Langkah pertama ialah peranan ibu bapa.**
(Langkah pertama mengatasi masalah ini, pihak ibu bapa memainkan peranan.)

4.5.6 Kesilapan Ayat Majmuk Keterangan (A5)

Dalam Jadual 3 memaparkan kekerapan kesilapan jenis A5 bagi seluruh pelajar keenam tinggi iaitu 43 (5.05%). Purata kesilapan setiap pelajar 1.1 kali setiap pelajar daripada keseluruhan kesilapan ayat 852.

Daripada pemerhatian yang telah di buat didapati kesilapan pelajar dalam aspek ini berpunca daripada beberapa sebab. Antaranya kerana mengulangi keterangan yang sama, kesalahan struktur frasa atau klausa keterangan dan kesilapan konsituen dalam subjek atau predikat dalam sesebuah ayat. Misalnya;

1. **Vandalisme merupakan salah laku remaja dengan merosakkan harta benda awam.**

2. Oleh yang demikian, pendidikan agama amatlah penting bagi mendidik remaja-remaja supaya mereka tahu apa yang sepatutnya mereka lakukan.

Ayat (1) mengandungi dua ayat, iaitu ayat induk dan ayat keterangan.

Ayat induk : Vandalisme merupakan salah laku remaja.

Ayat keterangan : Dengan merosakkan harta benda awam.

Ayat (1) menjadi silap kerana ‘frasa keterangan cara dengan’ tidak sesuai digunakan dalam konteks ayat di atas. Frasa yang sesuai atau gramatis jika menggunakan pancangan relatif ‘yang’. Susunan konsituen yang betul iaitu;

- 1a. Vandalisme merupakan salah laku remaja yang merosakkan harta benda awam.

Ayat (2) ini, kesilapan pada penggunaan kata jamak, iaitu pada frasa ‘remaja-remaja supaya mereka...’. Kecacatan ayat (2) ini juga pada struktur pasif diri orang ketiga, iaitu ‘tahu apa yang sepatutnya mereka lakukan.’Pengabaian imbuhan dalam frasa tersebut. Fenomena ini terjadi kemungkinan pengaruh daripada bahasa basahan. Ayat ini boleh dibetulkan sebagai;

- 2a. Oleh yang demikian, pendidikan agama amatlah penting bagi mendidik remaja supaya mereka mengetahui perkara yang sepatutnya dilakukan.

Contoh-contoh kesilapan yang lain dalam jenis A5 ini dan pembetulannya ialah;

3. **Masalah setingga tidak boleh dibiarkan dengan begitu sahaja.**
(Masalah setingga tidak boleh dibiarkan begitu sahaja.)

4. **Penduduk masih lagi tidak mampu membayar sewaan dengan pendapatan yang diperolehinya.**
(Penduduk tidak mampu untuk membayar sewa dengan pendapatan yang diperolehi.)

5. **Masalah sosial juga boleh dibendung dengan timbulnya kesedaran diri sendiri remaja itu sendiri.**
(Masalah sosial dapat dibendung melalui kesedaran dalam diri remaja itu sendiri.)

4.5.7. Kesilapan Struktur Ayat Aktif (A7)

Jadual 3 menunjukkan bahawa kekerapan kesilapan jenis ayat A7 bagi seluruh pelajar ($n = 40$) iaitu 32 (3.76%) daripada keseluruhan kekerapan ayat 852. Purata kesilapan 0.8 kali bagi setiap pelajar.

Daripada pemerhatian yang telah dibuat didapati kesilapan struktur ayat jenis A7 disebabkan oleh kesilapan tidak menggunakan imbuhan, penggunaan kata jamak kurang sesuai dengan konteks ayat. Beberapa contoh kesilapan ayat A7 yang dilakukan oleh pelajar;

1. **Kebanyakan pelaku-pelaku ini melibatkan ramai orang Melayu berbanding bangsa lain.**
2. **Ini kerana kebanyakan anak-anak remaja perlu belaian mesra daripada keluarga mereka.**
3. **Jika melalui nasihat, tidak ada hasil, pihak masyarakat pula hendaklah lapor kepada pihak – pihak yang berkuasa.**

Daripada ketiga-tiga ayat contoh yang diambil daripada karangan pelajar, jelas menunjukkan beberapa kesilapan. Kesilapan dalam ayat (1) kerana pemakaian kata jamak yang salah dalam ayat. Kata bilangan jamak dan frasa nama jamak sepatutnya tidak hadir secara serentak dalam binaan ayat tersebut. Ayat yang betul berdasarkan tatabahasa ialah;

- 1a. **Kebanyakan pelaku ini lebih ramai orang Melayu berbanding bangsa lain.**

Kesilapan ayat kedua kerana kata kerja transitif (KKT) ‘perlu’ tidak berimbuhan awalan ‘me’, penggunaan kata ganda yang kurang tepat, penggunaan kata awal ayat ‘Ini kerana’ sebagai pembaziran. Fenomena ini boleh menyebabkan ayat menjadi kurang gramatis. Ayat ini boleh dibaiki sebagai;

- 2a. **Kebanyakan remaja memerlukan belaian mesra daripada keluarga mereka.**

Ayat (3) ialah ayat majmuk relatif. Ayat ini terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil.

Ayat induk: Pihak masyarakat pula perlu hendaklah lapor kepada pihak yang berkuasa.

Ayat kecil: Jika melalui nasihat tidak berhasil.

Ayat (3) tersebut mengandungi kesilapan tertentu. Kesilapan pertama iaitu menggandakan kata yang tidak perlu digandakan. Kata nama '**pihak**' tidak perlu digandakan kerana frasa nama **pihak berkuasa** sudah menunjukkan makna jamak.

Kesilapan kedua pula kerana kata kerja transitif (KKT) '**lapor**' sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan '**me.....kan**.

Kesilapan seterusnya, kesilapan bentuk rumus KKT. Rumus kata kerja yang mengandungi KKT menegaskan bahawa setiap KKT perlu diikuti oleh frasa nama (FN) sebagai objek (FK (T) + FN)> Dalam ayat (3) FK (T) '**melaporkan**' tidak diikuti FN sebagai objeknya sebaliknya, diikuti oleh frasa sendi nama dalam pola (FK (T) + FSN) yang berfungsi sebagai keterangan. Oleh itu, ayat (3) tidak mempunyai objek selepas KKT.

Penggunaan perkataan yang tidak sesuai dan ayat seperti frasa '**pula perlu**'. Frasa ini perlu digugurkan untuk membentuk ayat yang lebih gramatis.

Ayat (3) ini dapat ditulis semula dengan lebih jelas seperti berikut;

- 3a. Masyarakat hendaklah melaporkan kegiatan vandalisma kepada pihak berkuasa jika nasihat tidak dihiraukan.**

Bagi kesilapan-kesilapan yang lain ditunjukkan dalam contoh yang berikut dengan pembetulannya dalam kurungan.

- 4. Perilaku atau budaya hidup barat amat membimbangkan.
(Perilaku atau budaya atau cara hidup cara barat amat membimbangkan.)**
- 5. Contohnya menconteng atau membakar barang-barang awam.
(Kegiatan vandalisme contohnya menconteng atau membakar barang-barang awam.)**

Walaupun kesilapan ayat A7 ini kecil, tetapi yang jelas bahawa ayat-ayat contoh di atas didapati pengaruh daripada bahasa basahan atau bahasa mulut (Za'aba: 1965) yang tidak formal sifatnya. Laras bahasa yang tidak formal ini sering mengabaikan penggunaan imbuhan. Bagi Takdir Alisyahbana (1965), pengabaian penggunaan imbuhan ini menyebabkan bahasa Melayu menjadi kaku, apatah lagi amat sedikit perhatian diberi tentangnya di sekolah-sekolah (Awang Sariyan: 1990: 22). Sebab itu dalam buku pelajaran untuk sekolah-sekolah, imbuhan dipakai sedikit-sedikit. Jika pernyataan Takdir dijadikan dasar, maka tidak hairanlah, jika pengabaian

imbuhan ini berlaku di kalangan pelajar sekolah, malah dalam buku-buku teks sekolah.

4.5.8 Kesilapan Struktur Ayat Pasif (A8)

Dalam Jadual 3, menunjukkan bahawa kekerapan kesilapan struktur jenis A8 bagi seluruh pelajar ($n = 40$) ialah 31 (3.63%). Purata kesilapan iaitu 0.8 per pelajar.

Daripada pemerhatian yang dilakukan didapati kesilapan struktur ayat jenis A8 terbahagi kepada kesilapan ayat pasif pertama/kedua, kesilapan ayat pasif pelaku ketiga, dan kesilapan penggunaan beberapa golongan kata yang menjadi konsituen dalam ayat pasif. Antara contoh-contoh kesilapan jenis A8 ini ialah;

1. **Satu masalah vandalisme kita dapat atasi .**
2. **Apabila hukuman yang sungguh sekali dikenakan kepada mereka yang melakukan kegiatan vandalisme.**
3. **Masalah setinggian diharap dapat di atasi pihak-pihak kerajaan dan swasta.**

Ayat (1) menunjukkan kesilapan ayat pasif pelaku pertama yang menggunakan kata ganti diri pertama jamak '**kita**'. Bentuk struktur ayat pasif ini mempunyai hukum yang dinamai 'Hukum Aneksi Persona' (Asraf: 1988:12). Menurut hukum ini antara pelaku dengan kata kerja (KK) pasif tidak boleh disisipkan

kata-kata lain. Pelaku dan KK pasif merupakan satu ikatan yang tidak boleh dipisahkan (Awang Sariyan: 1984: 47). Dalam ayat (1) di atas pelaku, iaitu kata ganti diri pertama jamak 'kita' dan kata kerja pasif 'atasi' telah disisipkan dengan kata bantu ragam dapat menjadikan bentuk ayat pasif salah. Seterusnya kesilapan ayat A8 ini, tidak mempunyai keterangan bagi menjelaskan maksud ayat. Ayat tersebut seharusnya dioalah semula seperti berikut;

1a. Masalah vandalisme dapat diatasi daripada terus menular.

Kesilapan ayat (2), penggunaan serentak kata penguat 'sungguh' dan 'sekali' bagi menguatkan makna kata adjektif 'berat'. Kesilapan dalam ayat didapati ayat ini tidak mempunyai predikat. Oleh itu, ayat ini menjadi ayat tergantung. Ayat yang betul sebagai;

**2a. Apabila hukuman berat dikenakan terhadap mereka
yang melakukan vandalisme kemungkinan gejala ini dapat diatasi
sedikit demi sedikit.**

Ayat (3) ayat pelaku pasif pelaku ketiga. Kesilapan yang jelas dikesan dalam ayat ini iaitu menggandakan frasa nama 'pihak' yang diikuti oleh frasa nama 'kerajaan dan swasta'. Selain itu, bentuk kata pasif 'diatasi' tidak diikuti oleh sendi nama 'oleh' yang diperlukan kehadirannya. Pembentukan ayat ini sebagai;

- 3a. Masalah setingan harap dapat diatasi oleh pihak kerajaan dan swasta.**

Contoh-contoh kesilapan yang lain dan pembetulannya, daripada kesilapan jenis A8 ini ialah;

- 4. Kerajaan mestilah memberi subsidi bagi menampung kekurangan harga yang dibuat oleh pihak pemilik projek itu.**
(Pemberian subsidi dari pihak kerajaan diperlukan bagi menampung kos penurunan harga yang ditawarkan oleh pihak pemilik projek.)
- 5. Misalnya mereka perlu didenda dengan kadar yang tinggi supaya dapat dijadikan panduan oleh remaja lain.**
(Mereka didenda dengan kadar yang tinggi supaya dapat dijadikan panduan oleh remaja lain.)

Kekerapan kesilapan A8 terbatas kepada beberapa orang pelajar sahaja. Puncanya kemungkinan pelajar ini kurang kemahiran menggunakan struktur pasif.

4.5.9 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Komplemen (A4)

Kesilapan struktur ayat majmuk komplemen (A4) menduduki tempat terakhir (kesembilan) antara sembilan jenis kesilapan ayat. Dalam pemeriksaan ayat dalam

kedua-dua karangan ini terdapat beberapa ayat jenis A4 ini termasuk dalam pola ayat majmuk campuran, maka ayat-ayat tersebut dikelompokkan ke dalam kategori ayat majmuk campuran jenis A4 juga.

Daripada 852 kesilapan ayat, terdapat 24 kesilapan sahaja dalam jenis A4 ini. Peratus kesilapan jenis A4 ini ialah (2.8%) dengan purata setiap pelajar berjumlah 0.6 sahaja.

Berdasarkan kajian, didapati punca kesilapan ayat majmuk komplemen ini kerana struktur subjek dan predikat yang tidak sempurna, kesilapan penanda komplemen dan juga kesilapan unsur-unsur yang membentuk susuk ayat majmuk komplemen seperti kesilapan frasa sendi nama, frasa keterangan dan sebagainya.

Kesilapan ini dapat dipaparkan daripada contoh-contoh di bawah;

1. **Terdapat beberapa langkah untuk membendung masalah antara langkah berkenaan ialah.**
2. **Hanya mereka yang tidak dari berpendidikan rendah lebih cenderung untuk terlibat dalam vandalisme.**
3. **Kelewatan penyiapan projek perumahan menyebabkan pemohonan mengambil jalan untuk membina penempatan setinggan untuk sementara sambil menunggu rumah mereka disiapkan.**

4. **Sekiranya mereka tinggal dirumah sewa ini akan mengurangkan gaji atau peruntukan untuk dihantar kepada keluarga mereka di sana.**
5. **Apabila bilangan rumah, kos rendah bertambah, masyarakat tidak mengalami masalah untuk mendirikan rumah, malah mereka hanya perlu membayarnya sahaja.**

Kesilapan ayat (1) disebabkan ketiadaan objek dalam predikat ayat. Apakah 'masalah' yang hendak dibendung tidak dinyatakan. Demikian juga dengan 'langkah' tidak dinyatakan. Ayatnya menjadi tergantung tanpa menyatakan maksud yang jelas. Oleh itu, ayat (1) perlu ditulis semula supaya betul sebagai;

- 1a. **Terdapat beberapa langkah untuk membendung masalah vandalisme, antaranya didikan agama lebih awal kepada remaja.**

Sementara kesilapan ayat (2) pula, penggunaan kata nafi 'tidak' diikuti oleh Frasa sendi nama 'tidak' diikuti oleh sendi nama 'dari'. Penggunaan kata nafi 'tidak' frasa kerja dan adjektif (Nik Safiah Karim: 1992 : 211). Oleh itu ayat (2) perlu ditulis sebagai;

- 2a. **Mereka yang berpendidikan rendah lebih cenderung untuk terlibat dengan gejala vandalisme.**

Seterusnya kesilapan ayat (3) disebabkan oleh penggunaan dua penanda komplemen yang sama dalam satu ayat iaitu 'untuk' dan 'untuk'. Ayat tersebut menjadi lebih gramatis sekiranya salah satu penanda komplemen itu digugurkan.

- 3a. Kelewatan pembinaan projek perumahan menyebabkan pemohon membina penempatan setinggian untuk sementara waktu.**

Pembetulan seterusnya seperti berikut;

- 4a. Sekiranya mereka menyewa rumah bukan setinggian peruntukan kewangan untuk di hantar kepada keluarga di kampung tidak mencukupi.**
- 5a. Penambahan bilangan rumah kos rendah, boleh menyelesaikan masalah kekurangan rumah. Oleh itu, masyarakat hanya perlu myediakan wang untuk membelinya sahaja.**

Kekerapan kesilapan ayat jenis A4 ini begitu kecil; kesilapan ayat jenis ini hanya dilakukan oleh sebilangan kecil pelajar sahaja. Punca kelemahan, pengkaji dapati daripada diri individu itu sendiri. Hal demikian, ditambah pula dengan kurangnya latihan menggunakan ayat majmuk khususnya ayat majmuk komplemen sama ada dalam latihan pembinaan ayat dalam penulisan atau lisan. Dapatan daripada kajian soal selidik didapati 95% pelajar yang dikaji berjumlah n=40 menggunakan

dialek ala Kelantan dalam komunikasi harian. Fenomena ini memberi kesan yang besar dalam penggunaan ayat khususnya ayat majmuk komplemen.

Daripada huraian dan contoh-contoh kesilapan yang dinyatakan dapat disimpulkan kesilapan ayat pelajar agak menyeluruh hanya dengan beberapa perbezaan antara beberapa jenis ayat. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang dikaji masih belum dapat menguasai tatabahasa bahasa Melayu dengan baik.

Kelemahan menguasai tatabahasa dengan baik berpunca daripada ketidakfahaman pelajar menguasai atau memahami rumus-rumus ayat terutama rumus transformasi (penerbitan) kata dalam ayat, hubungan struktur dalaman (makna) dengan struktur lahir sesebuah ayat yang melahirkan logika bahasa.

Gejala ini timbul kemungkinan kurang menggunakan tatabahasa yang betul ketika berbahasa lisan yang tidak formal. Jika keadaan ini menjadi lumrah bagi pelajar, kesilapan bahasa akan menjadi serius dan jauh menyimpan daripada penggunaan baku bahasa Melayu yang sebenarnya.

5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kesimpulan daripada hasil kajian seperti dibincangkan dalam Bab IV. Dalam bab ini akan dikemukakan dapatan-dapatan terhadap masalah yang dinyatakan dalam Bab I. Pada bahagian akhir bab ini pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan dengan seluruh kajian ini.

5.2 Kesimpulan

Berdasarkan kajian ke atas 40 orang pelajar prauniversiti taraf PBM SPM menjadi pemboleh ubah bebas yang ketiga kajian ini. Kebanyakan daripada mereka tergolong ke dalam PBM SPM sederhana (50%). Kumpulan PBM SPM rendah (27.5%), sementara PBM SPM tinggi (22.5%). Kesimpulan kebanyakan pelajar yang dikaji ini mempunyai latar belakang PBM SPM sederhana .

Kesemua sampel yang dikaji mengambil dua ujian karangan iaitu ujian karangan 1 dan ujian karangan 2. Kekerapan kesilapan ayat ujian karangan 1 dan ujian karangan 2 (sebelum dan selepas belajar morfologi dan sintaksis) menunjukkan perbezaan yang besar iaitu 29.34%. Keputusan ini menunjukkan keberkesanan yang baik dan positif. Perubahan ini berlaku selepas pelajar mempelajari secara formal pembelajaran morfologi dan sintaksis dalam kelas.